

Interaksi Simbolik Pelajar dan Komuniti Semasa Pembelajaran Keroncong: Impak Terhadap Sosio-budaya dalam Konteks Pendidikan Nasional

Jamilah Abu Bakar^{1*}, Bahizal Abu Bakar² & Mohd Nizam Nasrifan¹

¹Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

²Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, Malaysia.

*e-mail: jamilah.ab@fmsp.upsi.edu.my

Article received: May 21, 2025

Article accepted: July 1, 2025

Article published: December 29, 2025

Cite this article (APA): Abu Bakar, J., Abu Bakar, B., Nasrifan, M.N. (2025). Interaksi simbolik pelajar dan komuniti semasa pembelajaran Keroncong: Impak terhadap sosio-budaya dalam konteks pendidikan Nasional. *Jurai Sembah*, 6(2), 103-118. <https://doi.org/10.37134/juraisembah.vol6.2.4.2025>

Abstrak

Keroncong adalah genre muzik yang terdapat daripada percampuran budaya dan telah mengalami pelbagai transformasi sepanjang sejarahnya, menyerap pengaruh daripada pelbagai tradisi muzik termasuk Jawa, Melayu, dan Barat. Keunikan percampuran budayanya dapat diterjemahkan melalui perbezaan gaya permainan muzik serta teknik nyanyiannya. Pembelajaran muzik tradisional dalam konteks pendidikan formal telah diwujudkan untuk menyemai kesedaran dan penghargaan pelajar terhadap muzik tradisi seperti keroncong namun pembelajaran ciri muzik hibrid ini masih menampilkan jurangnya. Kajian ini akan mengetengahkan kesan pembelajaran keroncong terhadap kesedaran dan penghargaan pelajar terhadap kepelbagaian budaya. Kaedah kualitatif digunakan bagi memperoleh pemahaman yang komprehensif mengenai impak pembelajaran keroncong terhadap kesedaran dan apresiasi kepelbagaian budaya dalam kalangan pelajar. Kajian ini merujuk kepada kerangka konseptual Teori Interaksi Simbolik oleh Mead (1934) dan Blummer (1969). Seramai 10 orang pelajar keroncong serta tiga orang tenaga pengajar terlibat dalam pengumpulan data kajian ini dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur dan pemerhatian peserta. Dapatan penyelidikan ini membuktikan bahawa muzik tradisional seperti keroncong berupaya menjadi medium efektif dalam membentuk kefahaman tentang nilai universal, kesedaran dan penghargaan melalui interaksi simbolik daripada kepelbagaian budaya. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pendidikan muzik tradisional sebagai satu mekanisme untuk mengekalkan identiti budaya sambil menggalakkan interaksi silang budaya untuk membina masyarakat Malaysia yang bersatu, harmoni dan berbilang bangsa.

Kata kunci: etnomuzikologi, keroncong, muzik hibrid, pembelajaran simbolik, dasar Pendidikan

Abstract

Keroncong is a music genre that emerged from cultural fusion and has undergone various transformations throughout its history, absorbing influences from diverse musical traditions including Javanese, Malay, and Western music. The diverse and complex nature of this blend is showcased through its instruments and vocals. The teaching of traditional music within formal education has been established to foster students' awareness and appreciation of traditional music such as keroncong. However, the learning of this hybrid musical form still reveals significant gaps. This study highlights the impact of learning keroncong on students' awareness and appreciation of cultural diversity. A qualitative approach is employed to gain a comprehensive understanding of the influence of keroncong education on students' cultural awareness and

appreciation. This research is framed within the conceptual framework of Symbolic Interaction Theory by Mead (1934) and Blumer (1969). A total of 10 keroncong students and three instructors participated in this study, with data collected through semi-structured interviews and participant observation. The findings demonstrate that traditional music such as keroncong can serve as an effective medium for fostering understanding of universal values, awareness, and appreciation through symbolic interaction stemming from cultural diversity. It is hoped that the results of this study can support traditional music education as a mechanism to preserve cultural identity while promoting cross-cultural interaction towards building a united, harmonious, and multicultural Malaysian society.

Keywords: ethnomusicology, keroncong, hybrid music, symbolic learning, education policy

Pengenalan

Keroncong merupakan genre muzik yang unik, mencerminkan kepelbagaian dan percampuran budaya dalam evolusi muzik tradisional. Dalam konteks pendidikan, pembelajaran keroncong bukan sahaja melibatkan penguasaan teknik muzik, tetapi juga berpotensi sebagai medium untuk memupuk kesedaran dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dalam kalangan pelajar. Keroncong timbul daripada penyebaran alat muzik *Fado* Portugis ke Nusantara dan kemudiannya berubah bentuk menjadi instrumen keroncong atau cukulele yang disesuaikan kepada budaya tempatan (Zandra & Rustopo, 2020). Pernyataan ini menunjukkan contoh jelas bagaimana pelbagai pengaruh budaya boleh terangkum dalam membentuk satu bentuk ekspresi seni yang boleh diterima secara meluas.

Walaupun terdapat penyelidikan tentang pengajaran dan pembelajaran muzik tradisional dalam konteks pendidikan formal, masih terdapat jurang dalam pemahaman bagaimana pembelajaran ciri muzik hibrid seperti keroncong boleh mempengaruhi kesedaran dan penghargaan pelajar terhadap kepelbagaian budaya. Aspek ini penting untuk diteliti memandangkan peranan pendidikan dalam membentuk perspektif dan sikap generasi muda terhadap kepelbagaian budaya semakin kritikal dalam dunia yang semakin mampu berhubung secara global dan membentuk masyarakat yang menjadi semakin kompleks.

Penyelidikan ini menggunakan Teori Interaksi Simbolik (Mead, 1934; Blummer, 1969) untuk meneroka bagaimana pelajar membentuk makna dan pemahaman tentang kepelbagaian budaya melalui pembelajaran keroncong. Teori ini menyediakan kerangka yang sesuai untuk memahami proses interpretasi dan pembentukan makna dalam konteks pembelajaran muzik, khususnya bagaimana pelajar berinteraksi dengan simbol-simbol budaya yang wujud dalam keroncong dan bagaimana interaksi ini mempengaruhi kesedaran dan penghargaan mereka terhadap kepelbagaian budaya.

Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk memahami kesan pembelajaran keroncong terhadap kesedaran dan penghargaan pelajar terhadap kepelbagaian budaya. Persoalan yang ingin diteroka adalah apakah kesan pembelajaran keroncong terhadap kesedaran dan penghargaan pelajar terhadap kepelbagaian budaya? Secara khusus, penyelidikan ini bertujuan untuk meneroka bagaimana pembelajaran keroncong mempengaruhi pemahaman pelajar tentang kepelbagaian budaya, bagaimana mereka menginterpretasi dan memberi makna kepada elemen-elemen budaya dalam keroncong, dan bagaimana pengalaman pembelajaran ini membentuk perspektif mereka terhadap kepelbagaian budaya secara umumnya.

Keroncong merupakan contoh klasik hibridisasi muzik yang menggabungkan pelbagai pengaruh budaya. Kajian terkini menunjukkan bahawa keroncong adalah satu contoh klasik hibridisasi muzik, iaitu hasil gabungan pelbagai pengaruh budaya yang terus berevolusi mengikut zaman dan konteks sosial. Dalam konteks ini, keroncong tidak hanya berfungsi sebagai warisan seni tetapi juga sebagai ruang ekspresi budaya. Arif (2020) dalam kajiannya telah membincangkan tiga buah lagu keroncong yang menggunakan bahasa Kreol Tugu telah menunjukkan penglibatan secara linguistik iaitu perkataan asal Portugis dan struktur tatabahasa yang dipengaruhi oleh bahasa Melayu. Ini mencerminkan proses hibridisasi budaya melalui muzik dan bahasa, terutama di Kampung Tugu. Analisis daripada kajian Mutsaers (2014) pula menelusuri proses “Barat bertemu Timur” yang menerangkan bagaimana keroncong bersifat sintesis budaya. Pemahaman tentang sejarah dan evolusi keroncong ini penting dalam konteks pendidikan kerana ia menyediakan contoh konkrit tentang dinamik kepelbagaian budaya. Namun begitu, hibridisasi ini tidak hanya menzahirkan keindahan artistik semata-mata, malah turut menuntut pelajar untuk memahami naratif kolonial, proses akulturasi, dan pemaknaan identiti dalam ekspresi seni. Justeru, pengajaran keroncong memerlukan pendekatan pedagogi yang turut memberi penekanan

terhadap aspek kritikal dengan menumpukan kepada aspek sejarah, kuasa, dan juga permaknaan budaya. Penyelidikan dalam bidang pendidikan muzik menunjukkan hubungan positif antara pembelajaran muzik tradisional dengan pembangunan kesedaran budaya. Hal ini dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan oleh Feng & Zuraimy (2023) di mana pendedahan pelajar dan guru terhadap muzik dari beberapa budaya dengan pedagogi kolaboratif terbukti dapat memperkukuh kesedaran budaya dan meningkatkan penglibatan pelajar. Ini menunjukkan bahawa pendedahan tersebut telah memberi kesan positif kepada penghargaan terhadap kepelbagaian muzik.

Pembelajaran muzik tradisional telah memberi kesan signifikan terhadap pembangunan identiti budaya pelajar melalui tahap tingkah laku, kognisi, emosi, hingga evaluasi (Guan, Liu & Luo, 2024). Walaupun terdapat kajian tentang pendekatan teknologi, kreativiti genre baharu dan gubahan semula keroncong (Rachman et al., 2025; Supiarza & Sarbeni, 2023; Maulana et al., 2022), penyelidikan terkini masih belum menyentuh secara khusus impak terhadap pembelajaran lagu atau genre keroncong hibrid terhadap pembentukan identiti budaya, penghargaan interkultural dan pemahaman masyarakat. Hal ini mencerminkan kekangan epistemologi dalam pendidikan muzik, yang lebih cenderung untuk memberi tumpuan kepada genre 'asal' dan seakan telah meminggirkan genre hibrid sebagai sesuatu yang 'kurang asli', sedangkan genre seperti keroncong juga mencerminkan realiti budaya kontemporari yang lebih kompleks dan berlapis. Penyelidikan yang lebih bersifat kontekstual dan inklusif masih diperlukan bagi memahami potensi pedagogi genre hibrid ini dalam memupuk kesedaran antara budaya.

Dalam konteks pembelajaran muzik, interaksi simbolik memainkan peranan penting dalam pembentukan makna dan pemahaman. Bennett (2023) dalam kajiannya menerapkan pendekatan pengajaran *culturally responsible* dalam bilik darjah muzik yang menunjukkan hasil bahawa pelajar membentuk kefahaman dengan mengintegrasikan simbol muzik dengan konteks budaya mereka. Hasil kajian tersebut adalah koheren dengan penyelidikan oleh Li (2024) yang menggunakan teknik analisis semiotik terhadap elemen muzik tradisional, kajian ini mendapati bahawa pelajar yang menganalisis simbol budaya menunjukkan kefahaman dalam emosi dan budaya yang lebih mendalam. Aplikasi Teori Interaksi Simbolik dalam konteks pembelajaran keroncong boleh membantu untuk memahami bagaimana pelajar menginterpretasi dan memberi makna kepada elemen-elemen budaya dalam muzik. Melalui teori ini, pembelajaran muzik dilihat bukan lagi sekadar suatu proses pemindahan kemahiran teknikal, tetapi juga sebagai satu peluang dan ruang tafsiran, pemaknaan identiti dan pengetahuan yang dapat terbentuk melalui pengalaman subjektif pelajar dalam konteks sosial dan budaya masing-masing.

Proses pembelajaran muzik tradisional bukan sekadar melibatkan penguasaan teknik, tetapi juga pemindahan pengetahuan dan nilai budaya. Brashier (2018) mengkaji bagaimana pembelajaran muzik tradisional membantu dalam transmisi nilai dan *worldview* budaya kepada generasi baharu. Penyelidikan oleh Lee (2021) menunjukkan bagaimana pembelajaran muzik tradisional dalam konteks pendidikan formal boleh menyumbang kepada pemeliharaan dan pemahaman warisan budaya. Namun demikian, adalah amat penting untuk melihat secara lebih kritis sama ada nilai yang dipindahkan itu lebih bersifat dominan atau eksklusif, dan melihat bagaimana pelajar dengan latar belakang berbeza memberi respons kepada nilai yang mungkin tidak serasi dengan pengalaman budaya mereka sendiri. Ini bakal mencabar andaian bahawa pemindahan budaya berlaku secara linear dan seragam, sedangkan realitinya adalah secara pelbagai dan kontekstual.

Pembelajaran muzik tradisional dalam konteks pendidikan formal turut menghadapi pelbagai cabaran dan peluang. Penyelidikan oleh Satarasinghe (2024) mengenal pasti cabaran dalam mengintegrasikan muzik tradisional ke dalam kurikulum formal, termasuk isu pedagogi dan kesesuaiannya. Walau bagaimanapun, Chen (2016) mendapati bahawa pembelajaran muzik tradisional juga menyediakan peluang yang unik bagi dialog antara budaya dan pembangunan pemahaman silang budaya. Pengintegrasian ini perlu diteliti dari segi kuasa penggunaan kurikulum yang dapat menentukan naratif mana yang boleh diangkat dan mana yang perlu dipinggirkan. Kurikulum yang mengekalkan hegemoni budaya dominan tanpa memberikan ruang kepada suara minoriti hanya akan mengekalkan jurang budaya dan menyukarkan proses interkultural yang sejati.

Pembelajaran muzik tradisional boleh mempengaruhi pembentukan identiti budaya pelajar. Rowley & Dunbar-Hall (2013) mendokumentasikan bagaimana pembelajaran muzik yang pelbagai termasuk muzik tradisional boleh membantu pelajar dan pendidik membentuk pemahaman yang lebih mendalam tentang identiti budaya mereka sendiri. Penyelidikan oleh Rowley & Dunbar-Hall (2015) seterusnya juga menunjukkan bagaimana pendedahan kepada muzik daripada budaya lain boleh membantu pelajar mengembangkan

perspektif yang lebih inklusif terhadap kepelbagaian budaya. Namun begitu, adalah penting untuk menilai sejauh mana proses pembentukan identiti ini boleh bersifat reflektif atau hanya sekadar adaptif. Identiti budaya yang terhasil melalui pembelajaran muzik perlu diukur bukan sahaja dari segi penerimaan simboliknya, tetapi juga sejauh mana ia dapat membentuk kesedaran terhadap kuasa, sejarah dan ketaksamaan yang membentuk budaya itu sendiri.

Teori Interaksi Simbolik, yang diasaskan oleh George Herbert Mead dan dikembangkan oleh Herbert Blumer, merupakan perspektif sosiologi yang menekankan bagaimana manusia membentuk makna melalui interaksi sosial. Teori ini berlandaskan tiga prinsip asas iaitu manusia bertindak berdasarkan makna yang mereka berikan kepada sesuatu, makna terhasil daripada interaksi sosial, dan makna tersebut sentiasa diubahsuai melalui proses interpretasi yang berterusan. Kekuatan teori interaksi simbolik juga terletak pada kemampuannya untuk menghubungkan makrostruktur sosial dengan pengalaman mikro secara empirikal. Sebagai contoh, kajian oleh Gondal (2025) dalam *Handbook of Culture and Social Networks* yang menekankan bagaimana makna hubungan terbentuk dalam jaringan sosial melalui interaksi bermakna. Hasilnya, simbol tidak hanya mewakili maklumat, tetapi membentuk pemahaman bersama tentang status dan identiti.

Hal ini menunjukkan bahawa melalui simbol bukan sahaja semata-mata sebagai refleksi budaya, tetapi juga merupakan suatu alat aktif dalam pembentukan struktur sosial. Pandangan empirikal ini memperlihatkan bahawa konstruk teori interaksi simbolik tidak bersifat spekulatif, tetapi bersifat operasional iaitu dapat diuji dan diamati dalam kehidupan seharian. Kajian oleh Mirzaei & Mohammadzadeh (2024) pula menganalisis filem animasi sebagai medium interaksi simbolik, menunjukkan bagaimana identiti budaya dan struktur sosial digambarkan dan dimaknai oleh penonton melalui simbol dalam naratif visual. Di samping itu, Shahid & Fatima (2025) menggunakan pendekatan ini untuk meneliti pengalaman wanita dalam perkahwinan eksogami di Punjab, dengan memberi tumpuan kepada bagaimana simbol status sosial (seperti nama keluarga Syed) membentuk makna dalam interaksi sosial. Dalam semua penyelidikan ini, pendekatan interaksi simbolik membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana budaya dijalin melalui interaksi seharian, dan bagaimana simbol sosial (seperti bahasa tubuh, gelaran, dan ritual) membawa makna yang dibentuk secara bersama. Pendekatan ini selaras dengan kerangka kerja budaya sebagai sistem yang dibentuk dari bawah ke atas, bukan semata-mata diwariskan dari struktur makro.

Dalam konteks ini, simbol memainkan peranan penting sebagai medium komunikasi, di mana manusia berkongsi dan mentafsir makna melalui bahasa, isyarat, dan objek yang difahami secara kolektif dalam sesebuah masyarakat. Pembentukan identiti individu juga berlaku melalui proses interaksi ini, melibatkan konsep *I* (diri subjektif) dan *Me* (diri objektif), yang membolehkan seseorang melihat dirinya dari perspektif orang lain (Blumer, 1969). Ini bermakna, proses pembelajaran tidak berlaku dalam ruang kekosongan, tetapi turut dipengaruhi oleh hubungan kuasa, persepsi sosial dan jangkaan budaya yang sering kali tidak seimbang. Kesedaran terhadap dinamika ini membolehkan pendidikan lebih peka terhadap keperluan pelajar yang dari latar berbeza.

Aplikasi teori ini dalam konteks pembelajaran muzik membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana pelajar membentuk makna dan identiti muzikal mereka. Melalui interaksi dengan guru, rakan sebaya, dan elemen-elemen muzik itu sendiri, pelajar mengembangkan pemahaman dan apresiasi terhadap kepelbagaian budaya. Proses pembelajaran ini bersifat dinamik, di mana pelajar secara aktif mentafsir dan membentuk semula makna berdasarkan pengalaman pembelajaran mereka. Kerangka teoretikal ini amat bernilai dalam memahami proses pembelajaran muzik, terutamanya dalam konteks pemahaman dan penghargaan kepelbagaian budaya melalui pembelajaran keroncong. Namun demikian, pengaplikasian teori ini harus diperkaya lagi dengan kesedaran kritikal terhadap bagaimana simbol-simbol budaya mungkin ditafsir secara berbeza oleh pelajar yang mungkin mempunyai sejarah kolonial, trauma budaya atau pengalaman marginalisasi (Priya & Bhatia, 2021).

Analisis kritikal terhadap literatur sedia ada menunjukkan bahawa walaupun terdapat penyelidikan berkaitan hubungan antara pembelajaran muzik tradisional dengan kesedaran budaya, pemahaman tentang bagaimana pembelajaran genre muzik hibrid seperti keroncong boleh mempengaruhi kesedaran dan penghargaan pelajar terhadap kepelbagaian budaya belum lagi diteroka secara mendalam. Penyelidikan ini juga berhasrat untuk mengisi jurang tersebut dengan menggunakan Teori Interaksi Simbolik sebagai kerangka untuk memahami proses pembentukan makna dan pemahaman dalam konteks pembelajaran keroncong. Dengan turut

mengambil kira sifat keroncong yang hibrid dan lintas budaya, penyelidikan ini boleh menyumbang kepada perbincangan epistemologi yang lebih luas tentang bagaimana pengetahuan seni dan budaya dibentuk secara intersubjektif, serta bagaimana pengetahuan budaya boleh menjadi alat pengukuhan nilai-nilai sejagat dalam konteks pendidikan nasional.

Metodologi

Penyelidikan ini mengaplikasikan metodologi kualitatif bagi memperoleh pemahaman yang komprehensif mengenai impak pembelajaran keroncong terhadap kesedaran dan apresiasi kepelbagaian budaya dalam kalangan pelajar. Pemilihan pendekatan ini adalah selaras dengan penggunaan kerangka konseptual Teori Interaksi Simbolik oleh Mead (1934) dan Blummer (1969) serta keperluan untuk menganalisis proses pembentukan makna dalam konteks pembelajaran muzik secara mendalam.

Dari segi reka bentuk penyelidikan, penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang memberi tumpuan khusus kepada pengalaman pembelajaran keroncong pelajar dalam persekitaran pendidikan tidak formal. Metodologi ini membolehkan pengkaji memperoleh pemahaman yang mendalam tentang proses interaksi pelajar dengan elemen-elemen budaya dalam keroncong, sejajar dengan prinsip-prinsip asas Teori Interaksi Simbolik (Mead, 1934; Blummer, 1969).

Responden penyelidikan ini melibatkan 10 orang pelajar keroncong serta 3 tenaga pembimbing termasuk penyelidik yang berlangsung secara terbuka di Segamat Central pada 27 Oktober 2024. Pemilihan dilakukan menggunakan kaedah persampelan heterogen iaitu responden dengan ciri-ciri berbeza dari faktor umur, tahap pendidikan, pengalaman, kumpulan etnik dan lokasi geografi untuk mendapatkan perspektif pelbagai (Robinson, 2014). Kriteria lain pemilihan responden adalah berdasarkan penglibatan dalam pembelajaran keroncong, kepelbagaian latar belakang budaya, serta kesediaan untuk berkongsi pengalaman pembelajaran secara terperinci. Pengumpulan data dilaksanakan melalui dua kaedah utama iaitu temu bual separa berstruktur dan pemerhatian peserta.


Temu bual separa berstruktur yang mengambil masa antara 60 hingga 90 minit dijalankan bersama-sama pelajar dan pembimbing. Semasa sesi berlangsung, soalan dikemukakan secara berterusan dan berfokus kepada pengalaman pembelajaran, interpretasi makna, dan evolusi kesedaran budaya. Selain senarai soalan asas yang dikemukakan seperti apa yang pelajar dapat fahami melalui lirik dan melodi lagu keroncong, pandangan mereka terhadap muzik keroncong, serta tahap kesediaan mereka untuk mempelajari muzik keroncong, turut dimuatkan adalah soalan tambahan yang dikhususkan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai pengalaman peserta yang telah diperolehi semasa sesi berlangsung. Temu bual ini dijalankan semasa sesi *masterclass* berlangsung di mana pelajar secara seorang demi seorang naik ke atas pentas untuk menyanyikan lagu yang dipilih sambil ditemu bual serta sesi pembelajaran nyanyian keroncong yang dipimpin oleh penyelidik dan tokoh jemputan.

Sesi pemerhatian peserta pula akan melibatkan dokumentasi sistematik melalui rakaman video terhadap interaksi pelajar dengan elemen budaya, simbol melalui elemen muzik iaitu melodi dan gaya, lirik dan tema, gaya persembahan serta dinamik sosial semasa proses interaksi dan tindak balas serta tingkah laku pelajar semasa sesi ini. Sebelum mengadakan sesi pembelajaran, pelajar dipertontonkan dahulu dengan persembahan penyanyi berpengalaman diiringi kumpulan ensembel keroncong secara langsung atau *live*. Pelajar perlu menyanyikan lagu pilihan masing-masing dan seterusnya penyelidik akan membetulkan atau memurnikan lengkok atau cengkok yang dinyanyikan oleh pelajar.

Melalui temubual dan pemerhatian semasa sesi penyelidikan berlangsung, penyelidik secara sedar dan kritis memeriksa peranan, nilai, kepercayaan, dan pengalaman mereka sendiri dalam membentuk penyelidikan serta menjadi sebahagian daripada realiti sosial kepada subjek yang diselidik. Makna dan tafsiran telah menjadi tumpuan utama melalui proses reflektiviti ini. Hal ini akan memastikan supaya penyelidik dapat mengelakkan dengan secara tidak sengaja mengenakan perspektif sendiri ke atas data, sebaliknya berusaha untuk memahami makna melalui perspektif peserta sahaja.

Analisis Data

Analisis data akan menggunakan pendekatan Analisis Tematik oleh Braun & Clarke (2006) yang melibatkan empat peringkat utama iaitu pengenalan data melalui pembacaan berulang transkrip temu bual dan nota pemerhatian, pengkodan untuk mengenal pasti segmen data yang signifikan, pembentukan tema melalui pengintegrasian kod-kod yang berkaitan, dan akhir sekali adalah proses semakan dan pengesahan tema berbanding data asal untuk memastikan ketepatan interpretasi. Menggunakan Teori Interaksi Simbolik Mead (1934) dan Blummer (1969) sebagai panduan, data yang telah dikategorikan seterusnya dirumuskan menjadi dapatan penyelidikan. Semasa analisis dilakukan, petunjuk interaksi simbolik yang merujuk kepada kerangka konseptual Teori Interaksi Simbolik oleh Mead (1934) dan Blumer (1969) telah dijadikan panduan asas melalui aspek simbol atau simbolik iaitu elemen-elemen dalam pembelajaran keroncong yang membawa makna tertentu. Aspek yang dianggap simbolik pula adalah melalui pelaksanaan teknik, gaya nyanyian keroncong dan penerimaan sesuatu budaya sebagai simbol identiti, serta simbol integrasi dan nilai murni. Seterusnya, interaksi sosial dapat dikesan melalui cara pelajar dan pembimbing berinteraksi dalam proses pembelajaran, melihat perbezaan interaksi mengikut latar belakang etnik serta semasa pembimbing menggalakkan pelajar menggunakan bahasa ibunda masing masing dalam menyanyikan lagu keroncong. Interaksi juga melibatkan pemilihan lagu dan gaya komunikasi dan interaksi antara pembimbing dan pelajar, serta perbincangan dan penglibatan langsung pelajar semasa latihan. Turut dikesan ialah tafsiran individu iaitu makna yang terbentuk dengan pelajar mentafsir simbol-simbol melalui interaksi sosial. Ini termasuk pelajar yang dapat menerima nyanyian sebagai warisan budaya serta dapat mentafsir cabaran yang ada berdasarkan latar belakang budaya masing-masing. Berdasarkan temubual pelajar juga ada menyatakan bahawa keroncong sebagai genre yang relevan dengan budaya semasa melalui lambang kelembutan, kesopanan, toleransi, dan sesuatu yang bernilai serta patut dipelihara. Berikut adalah rajah bagi menerangkan penerapan konsep yang digunakan semasa analisis data dilakukan.



Rajah 1. Panduan Analisis Data Berdasarkan Teori Interaksi Simbolik (Sumber: Mead, 1934; Blummer, 1969).

Dapatan

Dapatan penyelidikan yang dikemukakan dalam penyelidikan ini meliputi kesan pembelajaran keroncong terhadap kesedaran dan penghargaan pelajar terhadap kepelbagaian budaya. Dapatan penyelidikan diperoleh daripada hasil temu bual dan pemerhatian yang dijalankan ke atas 10 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah bersama 3 tenaga pengajar di sekitar daerah Segamat, Johor. Temu bual dilakukan semasa sesi *Masterclass* muzik keroncong berlangsung di hadapan penonton secara terbuka di Segamat Central pada 27 Oktober 2024. *Jadual 1* dibawah merupakan pernyataan tema-tema yang diperolehi semasa analisis dilakukan berdasarkan Teori Interaksi Simbolik yang menjurus kepada rumusan dapatan penyelidikan.

Jadual 1. Dapatan Penyelidikan Berdasarkan Teori Interaksi Simbolik

Simbol/Simbolik	Interaksi Sosial	Tafsiran Individu (Makna yang Terbentuk)	Tema/Dapatan
Teknik nyanyian keroncong seperti <i>luk</i> , <i>nggandul</i> , <i>embat</i> sebagai simbol budaya	Pelajar berinteraksi dengan guru melalui pengajaran dan latihan	Pelajar mula memahami teknik sebagai warisan budaya, bukan hanya kaedah nyanyian	Mengenali nyanyian keroncong.
Gaya nyanyian dan penerimaan budaya sebagai simbol identiti	Perbezaan interaksi mengikut latar belakang etnik (Melayu, Cina, Amerika Syarikat)	Pelajar mentafsir cabaran mengikut latar belakang budaya masing-masing	Perbezaan bangsa dalam penguasaan teknik
Bahasa ibunda sebagai simbol identiti dan keroncong sebagai simbol kebudayaan Melayu	Guru menggalakkan pelajar menggunakan bahasa ibunda dalam rentak keroncong	Pelajar mentafsir pengalaman ini sebagai peluang menghayati dan menyertai budaya Melayu	Nyanyian dalam bahasa ibunda dengan gaya keroncong (Penerimaan budaya)
Lagu-lagu pop/moden dimasukkan dalam bentuk keroncong sebagai simbol integrasi	Guru dan pelajar berinteraksi dalam memilih lagu dan gaya	Pelajar mentafsir keroncong sebagai genre yang relevan dan serasi dengan budaya semasa	Asimilasi budaya melalui lagu kontemporari (Asimilasi budaya melalui genre lagu dan bahasa berbeza)
Teknik nyanyian (seperti kelembutan suara, gerak tubuh sopan) sebagai simbol nilai murni	Guru membimbing pelajar dari pelbagai budaya untuk menyanyi dengan sopan	Pelajar mentafsir keroncong sebagai lambang kelembutan, kesopanan dan toleransi	Nilai murni dalam teknik nyanyian (Memupuk nilai-nilai murni)
Muzik keroncong sebagai simbol warisan dan identiti Melayu	Pelajar berdiskusi, mencatat dan terlibat secara langsung dalam latihan	Pelajar mula mentafsir keroncong sebagai sesuatu yang bernilai dan patut dipelihara	Penghargaan terhadap muzik tradisi

Jadual 1 di atas menerangkan tema-tema yang telah diperolehi melalui analisis data dengan menggunakan teori interaksi simbolik sebagai panduan utama. Data telah diinterpretasi menggunakan kaedah analisis tematik iaitu melalui proses pembacaan data, pengekodan, pengumpulan kod menjadi tema, dan mempersembahkan penemuan dengan tujuan untuk memahami secara mendalam pengalaman, perspektif, atau pandangan yang terkandung dalam data.

Mengenali nyanyian keroncong

Pembelajaran teknik nyanyian keroncong ternyata memberi kesan yang positif kepada pelajar terutamanya daripada aspek penerimaan budaya. Melalui temubual dan pemerhatian yang dijalankan, pelajar pada awalnya amat sukar untuk mengaplikasikan teknik nyanyian keroncong. Sungguhpun begitu, pelajar menunjukkan usaha untuk mendapatkan kemahiran gaya nyanyian keroncong dan memahami perbezaan setiap teknik nyanyian keroncong. Sebelum pelajar diminta untuk menyanyikan lagu-lagu keroncong, pelajar yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan latar belakang ini didedahkan terlebih dahulu dengan teknik nyanyian keroncong terbahagi kepada lima teknik iaitu luk, nggandul, embat, gregel, dan cengkok. Hasilnya, pelajar berbangsa Melayu lebih mudah untuk mengikuti teknik yang diajarkan bahkan teknik yang sedikit mencabar seperti embat juga berjaya dinyanyikan semula dengan baik.

Sementara itu, pelajar berbangsa Cina agak sukar mengikuti teknik embat tetapi mudah untuk menyanyikan teknik luk manakala pelajar berwarganegara Amerika Syarikat pula lebih mudah mengikuti teknik embat dan luk tetapi tidak dapat mengikuti teknik nggandul. Pelajar ini boleh meniru kembali hanya dengan sekali mendengar sahaja. Penerimaan ilmu teknik nyanyian keroncong ini membuktikan bahawa walaupun terdapat perbezaan budaya dalam sesebuah bangsa, hal ini memberi kesan positif dalam pembelajaran keroncong kerana dapat membantu pelajar mencapai kesedaran dan penghargaan terhadap budaya. Buktinya, setiap pelajar dapat menyanyikan semula sekurang-kurangnya satu teknik nyanyian keroncong. Nyanyian keroncong telah menimbulkan minat pelajar untuk mengenali budaya tempatan walaupun amat sukar untuk mengaplikasikan teknik nyanyian keroncong.

Jika dinilai dari segi keupayaan kognitif dan kepekaan budaya, perbezaan pencapaian dalam penguasaan teknik nyanyian ini menunjukkan bahawa latar budaya dan pengalaman muzik secara awal dapat memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran seni tradisional. Namun demikian, adalah tidak wajar untuk menilai keberkesanan pembelajaran hanya berdasarkan penguasaan teknik nyanyian keroncong sahaja semata-mata. Yang lebih penting untuk dilihat ialah kesediaan pelajar untuk mendekati dan menghargai unsur budaya yang asing bagi mereka. Dalam hal ini, walaupun tidak semua pelajar menguasai semua teknik, pencapaian setiap pelajar dalam menyampaikan sekurang-kurangnya satu teknik keroncong membuktikan bahawa proses pembelajaran ini telah membina nilai keterbukaan, penghargaan budaya dan empati antara budaya.

Pembelajaran nyanyian keroncong bukan hanya menyumbang kepada aspek vokal semata-mata, malah turut memperkukuh pemahaman pelajar terhadap identiti budaya tempatan serta menggalakkan dialog antara budaya melalui seni suara. Maka, walaupun terdapat kelemahan daripada sudut penguasaan teknik, impak pedagogi dan pembentukan sikap pelajar terhadap seni dan warisan budaya tempatan, hal ini tetap perlu diangkat sebagai satu pencapaian signifikan dalam konteks pendidikan seni berteraskan pelbagai budaya.

Penerimaan budaya

Muzik tradisional adalah sebuah seni yang menjadi salah satu ejen penyatuan budaya seperti yang ditakrifkan oleh Ayu, Wayu & Zahanim (2024) di mana warisan budaya sesebuah masyarakat merangkumi pelbagai aspek termasuklah makanan, pakaian, budaya, agama dan seni. Melalui penyelidikan ini, dua daripada 10 pelajar adalah pelajar bukan Melayu iaitu berbangsa Cina dan berwarganegara Amerika Syarikat. Dua pelajar ini buat pertama kali menyanyikan lagu berentak keroncong dan masing-masing diberi peluang untuk menyanyikan lagu dalam bahasa mereka sendiri. Pelajar meluahkan rasa teruja kerana berpeluang menimba pengalaman seumpamanya. Walaupun lagu keroncong dinyanyikan dalam bahasa Cina dan bahasa Inggeris, pelajar bukan Melayu masih dapat didedahkan dengan muzik Melayu dan secara tidak langsung merasai pengalaman nilai-nilai budaya Melayu.

Sementara itu, pengalaman baharu juga dapat dirasai oleh seorang pelajar berwarganegara Amerika Syarikat yang hadir pada sesi *masterclass* yang dijalankan. Pelajar tersebut menzahirkan minatnya untuk mempelajari lagu keroncong walaupun belum betul-betul mendalami kepelbagaian budaya di Malaysia. Melalui pemerhatian yang dilakukan, pembelajaran muzik keroncong secara langsung ini telah dapat membuka minat pelajar tersebut untuk merasai pengalaman menyanyikan lagu berentak keroncong meskipun pada asalnya pelajar bukan daripada masyarakat tempatan. Walaupun berbeza daripada sudut komunikasi ketika

pembelajaran keroncong berlangsung, pembimbing pelajar ini telah memainkan peranan penting dalam memastikan setiap pengajaran difahami oleh semua pelajar. Secara tidak langsung, pelajar cenderung untuk memahami cara pemikiran, pandangan hidup dan falsafah masyarakat tempatan termasuk dapat mengaplikasikan nilai-nilai budaya seperti kesabaran, ketelitian dan empati dalam memahami cara hidup masyarakat Malaysia.

Walaupun wujud perbezaan dalam komunikasi dan kefahaman budaya semasa proses pembelajaran, pembimbing memainkan peranan penting dalam memastikan pendekatan yang digunakan adalah inklusif dan mesra pelajar. Pendekatan ini membolehkan pelajar bukan tempatan dapat memahami isi pelajaran dan seterusnya menggunakan kefahaman tersebut dalam konteks komunikasi antara budaya serta menghargai falsafah pemikiran masyarakat tempatan. Keupayaan untuk menerapkan pembelajaran seni suara ke dalam interaksi harian dan ekspresi budaya membuktikan bahawa proses ini bukan sekadar bersifat artistik, tetapi juga berfungsi sebagai satu bentuk adaptasi budaya yang aktif dan berkesan.

Asimilasi budaya melalui genre lagu dan bahasa berbeza

Umumnya mengetahui bahawa genre keroncong adalah sebuah genre tradisional yang lama dan sesetengah berpendapat bahawa genre tradisional tidak boleh diubah sama sekali demi menjaga keasliannya. Namun begitu, asimilasi budaya melalui genre yang berbeza mampu meningkatkan lagi penghargaan masyarakat terhadap lagu-lagu keroncong yang diberi nafas baharu. Penyelidikan ini mendapati pelajar yang terlibat masing-masing tidak pernah mendengar lagu keroncong apatah lagi mengenali koleksi lagu keroncong yang asli. Oleh itu, pelajar dibenarkan untuk memilih lagu-lagu terkini atau kontemporari tanpa mengira genre. Ketika proses pembelajaran, pelajar diperdengarkan dahulu dengan contoh nyanyian daripada pembimbing yang mengaplikasikan teknik nyanyian keroncong ke dalam lagu-lagu terkini dan genre lain seperti zapin, inang dan pop. Pelajar dilihat sangat teruja dan bersemangat untuk mempelajari nyanyian keroncong dengan lebih mendalam. Pelajar dapat merasai pengalaman secara langsung mendengar lagu keroncong dipersembahkan menggunakan pelbagai genre lagu termasuklah lagu semasa. Melalui nyanyian keroncong menggunakan lagu semasa, pelajar dapat mengaitkan nilai-nilai realiti budaya kontemporari.

Tidak hanya itu, pelajar bukan Melayu juga dapat mempelajari keunikan bahasa selain bahasa ibunda mereka yang juga tergolong sebagai ciri-ciri budaya. Pembelajaran keroncong tidak hanya tertumpu kepada bahasa Melayu sahaja. Hal ini dibuktikan dalam penyelidikan ini di mana pelajar berbangsa Cina memilih untuk menyanyikan lagu *Yue Liang Dai Biao Wo De Xin* dengan gaya tersendiri. Ketika nyanyian disampaikan, pembimbing mendengar dengan teliti lenggok asal pelajar terutama sekali pada penekanan suku kata. Pelajar seterusnya diajarkan cara-cara untuk mendendangkan nyanyian keroncong dengan penekanan suku kata yang betul ke dalam lagu berbahasa Cina tersebut. Setiap bahasa mempunyai penekanan perkataan dan intonasi yang berbeza, dengan menggunakan ciri-ciri seperti pic, durasi, intensiti, dan pola melodik. Sistem ini bergantung kepada ciri-ciri dan tatabahasa bahasa tersebut (Ladd, 2008; Grice & Kügler, 2021; Arvaniti, 2023). Oleh itu, pembimbing mengambil inisiatif untuk membantu pelajar menyesuaikan nyanyian lagu keroncong berdasarkan suku kata bahasa ibunda mereka. Hal ini dapat mendedahkan pelajar dengan bahasa selain bahasa ibunda masing-masing melalui sesi pengajaran yang memuatkan istilah teknik-teknik nyanyian dalam keroncong.

Pendekatan ini wajar dinilai sebagai salah satu bentuk pemeraksanaan linguistik dan budaya, kerana ia dapat menggalakkan pelajar untuk meneroka hubungan antara struktur bahasa dan teknik nyanyian tradisional. Ini secara tidak langsung memperkayakan pengalaman pelajar bukan sahaja dari aspek teknikal nyanyian, tetapi juga dari sudut kefahaman budaya secara silang bahasa.

Apabila dinilai secara menyeluruh, strategi asimilasi genre dan bahasa dalam pembelajaran keroncong berjaya membuktikan bahawa nilai-nilai budaya tidak semestinya dilihat sebagai sesuatu yang eksklusif atau static sahaja. Sebaliknya, nilai budaya dapat berkembang dan disesuaikan dalam konteks pendidikan moden tanpa menghilangkan intipatinya. Pendekatan ini menekankan bahawa penghargaan terhadap seni tradisi boleh dicapai melalui satu penyesuaian yang secara bijaksana dan reflektif terhadap realiti budaya pelajar masa kini. *Rajah 2* di bawah menunjukkan pelajar berbangsa Cina mempelajari untuk menyanyikan lagu bahasa Cina berirama keroncong.



Rajah 2. Pelajar berbangsa Cina menyanyikan lagu bahasa Cina berirama keroncong

Memupuk nilai-nilai murni

Nyanyian tradisional Melayu seperti keroncong memerlukan penyanyi untuk menggayakan suara dengan lemah lembut di samping mengambil kira teknik-teknik khusus seperti luk, embat dan cengkok dalam teknik nyanyian keroncong. Bagi teknik luk, penyanyi terlebih dahulu perlu mengetahui melodi asas sesebuah lagu yang ingin dinyanyikan. Setelah itu, luk boleh dijelmakan dengan menyanyikan not lain sebelum ke not yang asal. Dalam penyelidikan ini, bagi mendapatkan teknik luk yang betul, pelajar dikehendaki menyanyikan terlebih dahulu melodi asas, kemudian mereka perlu meliukkan suara pada suku kata bersesuaian, dengan menyanyikan sama ada satu ton lebih tinggi daripada melodi asas atau satu ton rendah sebelum menyanyikan not asal. Menerusi pembelajaran ini, pelajar dapat mengetahui cara untuk menyanyikan setiap suku kata dengan lembut.

Selain mengetahui ciri-ciri nilai-nilai murni seperti kelembutan dan sopan-santun, pelajar juga dapat mempelajari nilai toleransi yang terdapat dalam budaya tempatan melalui teknik nyanyian keroncong seperti nggandul atau dalam erti kata lain adalah *offbeat*. Dapatan penyelidikan menunjukkan bahawa pelajar bukan Melayu agak sukar menyanyikan teknik nyanyian nggandul berbanding pelajar Melayu. Pelajar Melayu sudah didedahkan dengan lagu-lagu tradisional yang lain, yang juga memerlukan mereka lebih bebas dalam menyanyikan melodi secara *off beat*. Berbeza dengan pelajar bukan Melayu yang sudah terbiasa dengan lagu-lagu terkini yang mendedahkan nyanyian tempo dan *beat* yang tepat. Nyanyian lagu keroncong akan membolehkan penyanyi untuk memvariasikan tempo dan *beat* lagu semasa menyanyi. Justeru itu, melalui nyanyian keroncong ini, budaya toleransi telah dapat diterapkan ke dalam nyanyian pelajar. Pelajar dapat menjadi lebih fleksibel dalam nyanyian mereka tanpa terlalu terikat dengan *beat* asal.

Selain bersopan-santun melalui nyanyian, dapat dilihat juga pelajar telah memperolehi pengetahuan tentang gaya tubuh badan ketika menyanyikan lagu keroncong. Lagu keroncong kebanyakannya adalah lagu yang bertempo perlahan. Tanpa sedar hal ini memerlukan pelajar untuk membiasakan diri untuk menyanyikan lagu keroncong dengan gerak badan dan tangan yang bersopan dan beradab. Pelajar bukan sahaja dapat memahami nilai-nilai murni seperti kesopanan, kelembutan dan toleransi secara teori, tetapi mereka telah menggunakannya secara langsung dalam amalan nyanyian, persembahan dan interaksi seharian. Ini membuktikan bahawa pembelajaran seni suara seperti keroncong berupaya membentuk sahsiah pelajar melalui aplikasi praktikal nilai-nilai budaya dalam pelbagai dimensi kehidupan mereka sebagai pelajar dan ahli masyarakat.

Penghargaan terhadap muzik tradisi

Lambakan muzik terkini yang menjadi halwa telinga anak-anak muda telah menimbulkan kerisauan dalam kalangan penggiat tradisi di mana muzik serba moden masa kini mampu untuk masuk di segenap jiwa generasi kini jika tiada usaha-usaha daripada pelbagai pihak bagi melestarikan muzik tradisi. Justeru itu, dalam

penyelidikan ini, penyelidik mendapati usaha melaksanakan bengkel muzik keroncong telah dapat membina sifat penghargaan pelajar terhadap muzik keroncong. Pelajar menunjukkan penghargaan yang mendalam untuk lebih mengetahui mengenai ciri budaya melalui muzik keroncong dengan teknik nyanyian dan cara bermain alat-alat muzik keroncong. Semasa pengajaran teknik nyanyian keroncong berlangsung, beberapa pelajar mengambil inisiatif sendiri dengan mencatat nota dan ada juga di antara pelajar yang berinteraksi sesama mereka dengan melakukan perbincangan tentang perbezaan pengayaan setiap teknik nyanyian keroncong.

Tidak hanya nyanyian keroncong, ada juga pelajar yang berminat untuk mempelajari permainan muzik keroncong melalui instrumen cak, cuk, dan *cello*. Tiga daripada 10 orang pelajar naik ke atas pentas dan banyak menunjukkan minat dengan mengadakan perbincangan sesama mereka berkaitan paten permainan yang berbeza. Walaupun pelajar-pelajar tidak mempunyai sebarang pengalaman memainkan alat muzik keroncong, tetapi itu tidak mematahkan semangat pelajar untuk terus belajar dan mengambil tahu setiap paten yang diajarkan oleh pembimbing.

Walaupun sebahagian besar pelajar tidak mempunyai pengalaman langsung secara mendalam dengan muzik keroncong, semangat mereka untuk terus belajar menonjolkan lagi keinginan mereka untuk mengetahui dengan lebih lanjut terhadap nilai muzik itu sendiri yang bukan sekadar dalam bentuk atau struktur, tetapi juga nilai budaya yang terkandung di dalamnya. Menariknya, pelajar dari Amerika Syarikat yang berasal dari latar budaya yang berbeza turut menunjukkan keinginan untuk terlibat secara aktif dalam sesi nyanyian keroncong. Kesediaan pelajar ini menawarkan diri untuk ke pentas menandakan satu bentuk analisis peribadi terhadap makna pengalaman budaya bahawa muzik tradisional bukan milik eksklusif satu kelompok tertentu, tetapi lebih bersifat universal dan terbuka kepada interpretasi pelbagai.

Dapatan ini memperlihatkan bahawa penghargaan terhadap muzik tradisi bukan hanya boleh ditanam melalui pendedahan, tetapi akan lebih berkesan sekiranya pelajar diberi ruang untuk mempelajari secara langsung, membanding, menginterpretasi dan merasai sendiri pengalaman seni tersebut. Hal ini secara tidak langsung membuka ruang kepada pemahaman bahawa budaya adalah dinamik dan boleh diakses serta dihargai tanpa mengira batas kaum, bahasa atau latar geografi.



Rajah 3. Perbincangan ketika memainkan alat muzik keroncong antara pelajar dan pembimbing

Perbincangan

Muzik tradisional adalah sebuah seni yang menjadi salah satu ejen penyatuan budaya seperti yang ditakrifkan oleh Ayu, Wayu & Zahanim (2024) di mana warisan budaya sesebuah masyarakat merangkumi pelbagai aspek termasuklah makanan, pakaian, budaya, agama dan seni. Seni muzik tradisional terutamanya keroncong telah dapat menerapkan hubungan antara budaya. Melalui penyelidikan ini, pelajar dapat menunjukkan komunikasi yang jelas antara budaya walaupun terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum dan negara. Dapatan ini koheren dengan penyelidikan daripada Eyo, Rosdeen dan Marzelan (2021) di mana muzik tradisional seperti wayang kulit di Kelantan telah menampakkan komunikasi antara budaya yang jelas dalam masyarakat berbilang

etnik. Persembahan muzik ini menggalakkan kerjasama, toleransi, dan keharmonian antara pelbagai kumpulan etnik seperti Melayu, Cina, dan Siam. Begitu juga yang ditemui dalam penyelidikan ini di mana pelajar-pelajar telah dapat mengamalkan sifat toleransi dan kerjasama ketika mempelajari teknik nyanyian keroncong. Dapatan ini disokong oleh penyelidikan daripada Li et al. (2023) yang mendapati penglibatan dalam muzik antara budaya, seperti mempelajari alat muzik tradisional dari budaya lain, dapat meningkatkan empati etnokultural, toleransi, dan perasaan keterhubungan sosial. Selaras dengan penyelidikan yang dijalankan di mana dapatan menunjukkan bahawa penglibatan ini dapat mengurangkan prasangka budaya dan meningkatkan pemahaman antara budaya. Walaupun ada pelajar yang bukan berasal daripada masyarakat tempatan, pelajar tersebut masih dapat menghayati budaya dan mengamalkan sikap toleransi dalam menyanyikan lagu-lagu keroncong.

Melalui muzik keroncong, pelajar juga dapat mempraktikkan nilai-nilai tradisional yang sememangnya patut dijunjung tinggi dalam memastikan muzik ini terus mapan dan kekal relevan. Penyelidikan ini telah memastikan pelajar menyerap nilai kerjasama sesama mereka yang dapat dilihat daripada kesungguhan mengenali teknik nyanyian keroncong dan paten setiap alat muzik keroncong. Melalui pendidikan dan integrasi dalam kehidupan sosial, muzik tradisional dapat memupuk identiti budaya dan mengeratkan hubungan sesama pelajar mahupun komuniti, walaupun menghadapi cabaran globalisasi dan perubahan minat generasi muda. Sungguhpun program yang dijalankan hanya beberapa jam, pelajar-pelajar pada akhirnya telah dapat mengenali asas nyanyian keroncong dan asas permainan alat muzik keroncong. Hal ini selaras dengan strategi yang digariskan dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) yang digubal pada tahun 1971 iaitu untuk mencapai pemulihan, pemeliharaan dan pembangunan kebudayaan ke arah menguatkan asas-asas Kebudayaan Kebangsaan melalui usahasama penyelidikan, pembangunan, pendidikan, pengembangan dan perhubungan budaya. Melalui pendidikan, walaupun tidak dijalankan di universiti secara bersilibus, masyarakat tetap berpeluang mempelajari warisan budaya tradisional tempatan secara terbuka. Good et al. (2021) juga memberikan pendapat yang sama kerana terbukti di dalam penyelidikannya, program muzik tradisional berasaskan komuniti dan sekolah memberi kesan positif kepada pembangunan peribadi, budaya, sosial dan penglibatan belia Orang Asli, sambil mengekalkan pengetahuan budaya.

Muzik tradisional juga memainkan peranan signifikan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap evolusi budaya dengan menunjukkan bagaimana elemen muzik berkembang dan berubah mengikut masa dan konteks budaya. Penyelidikan ini telah menampakkan evolusi yang berlaku dalam pembelajaran nyanyian lagu keroncong. Tidak dinafikan bahawa pembelajaran gaya lama yang dipraktikkan pada zaman dahulu seperti pembelajaran yang hanya tertumpu kepada lagu asal keroncong dapat menguatkan lagi pembelajaran melodi asas. Namun, dunia baharu tidak seharusnya menyekat inovasi kreatif seni dan budaya. Penyelidikan ini telah merungkai gaya pembelajaran yang berbeza dalam menyebar luas teknik nyanyian keroncong. Pelajar daripada pelbagai latar belakang diberi kebebasan untuk menyanyikan lagu-lagu yang pada asalnya bukan dalam genre keroncong dengan bahasa yang berbeza. Seperti yang diutarakan oleh Ayu, Wayu & Zahanim (2024), adalah lebih baik jika masyarakat lebih bersifat terbuka untuk menerima penciptaan seni dan budaya dengan menggunakan cara baharu.

Melalui alat dan wadah baharu, pembelajaran muzik tradisional mahupun penciptaan kreatif akan menjadi lebih menarik serta menjadi pemangkin evolusi budaya. Walaupun muzik tradisional sering diabaikan kerana pengaruh muzik popular dan moden, namun usaha untuk mengintegrasikannya dalam pendidikan dan komuniti dapat membantu mengekalkan relevansinya. Muzik tradisional bukan sahaja mencerminkan evolusi budaya tetapi juga berfungsi sebagai alat untuk memahami bagaimana budaya berkembang dan berubah. Melalui penyelidikan bagaimana muzik tradisional menjadi pemangkin evolusi budaya, kita dapat melihat kebangkitan minat dan rasa ingin tahu pelajar terhadap muzik dan nyanyian keroncong. Lantas, sifat penghargaan dapat dijemakan di samping penerapan nilai murni yang disampaikan melalui pembelajaran muzik tradisi. Kesedaran terhadap evolusi budaya ini perlu disebar dengan lebih meluas supaya masyarakat terutamanya pelajar lebih cakna terhadap perubahan yang berlaku dalam konteks budaya melalui muzik.

Implikasi utama melalui penyelidikan ini adalah pengukuhan peranan pendidikan seni dalam membina jati diri pelajar melalui penghayatan warisan budaya tempatan seperti muzik keroncong. Pendekatan pembelajaran merentas budaya dan bahasa mendedahkan pelajar kepada nilai kebersamaan, toleransi, dan hormat-menghormati dalam suasana inklusif, selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembangunan insan seimbang. Penyertaan pelajar pelbagai kaum dan warganegara dalam pembelajaran

keroncong juga membuktikan kekuatan muzik sebagai alat perpaduan, mengurangkan jurang persefahaman etnik, dan memperkukuhkan integrasi nasional, dengan minat mendalam pelajar bukan Melayu dan antarabangsa terhadap budaya Melayu menjadi jambatan keharmonian sosial.

Penyelidikan ini dijalankan dalam tempoh program yang singkat, iaitu beberapa jam sahaja. Walaupun demikian, pelajar dapat mengenali asas nyanyian dan permainan alat muzik keroncong. Kajian ini juga hanya melibatkan 10 orang pelajar dan 3 tenaga pembimbing, yang mungkin membataskan generalisasi dapatan kepada populasi yang lebih besar. Selain itu, pemilihan responden menggunakan kaedah persampelan heterogen untuk mendapatkan pelbagai perspektif, namun saiz sampel yang kecil mungkin tidak mewakili sepenuhnya kepelbagaian latar belakang budaya dan pengalaman.

Berdasarkan dapatan ini, dicadangkan agar pendidikan muzik tradisional diperluas dalam sistem pendidikan sebagai mekanisme untuk mengekalkan identiti budaya dan menggalakkan interaksi silang budaya. Hal ini penting dalam membina masyarakat Malaysia yang bersatu, harmoni, dan berbilang bangsa. Ini juga selaras dengan strategi Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) yang digubal pada tahun 1971 dan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN, 2021). Program muzik tradisional di sekolah dan universiti berasaskan komuniti dan institusi pendidikan terbukti dapat memberi kesan positif kepada pembangunan peribadi, budaya, sosial, dan penglibatan belia, sambil mengekalkan pengetahuan budaya. Cadangan lain termasuk menerima penciptaan seni dan budaya dengan cara baharu, menggunakan alat dan wadah baharu untuk menjadikan pembelajaran muzik tradisional lebih menarik, dan menyebarkan kesedaran tentang evolusi budaya secara meluas. Penyelidikan lanjut boleh meninjau impak jangka panjang pembelajaran keroncong terhadap kesedaran budaya dan perpaduan kaum. Selain itu, kajian boleh diperluaskan dengan melibatkan responden yang lebih ramai dari pelbagai latar belakang geografi dan demografi untuk mendapatkan data yang lebih komprehensif.

Penyelidikan ini menyerlahkan keperluan kepada pendekatan epistemologi yang lebih luas dalam bidang pendidikan muzik tradisional, khususnya dalam memahami pembelajaran sebagai suatu proses sosial yang dinamik dan berlapis. Epistemologi konvensional yang berasaskan pemerolehan fakta atau kemahiran semata-mata adalah tidak mencukupi untuk menerangkan bagaimana pelajar membina makna budaya melalui pengalaman muzik seperti keroncong. Melalui lensa Teori Interaksi Simbolik, kajian ini membuktikan bahawa proses pembelajaran dapat merangkumi interpretasi, dialog budaya, dan refleksi identiti, yang kesemuanya bersifat subjektif dan kontekstual.

Pemahaman ini membolehkan kita mengiktiraf bahawa pengetahuan bukan sahaja boleh diperoleh melalui input kognitif, tetapi juga melalui pengalaman afektif, sosial dan simbolik. Dalam konteks ini, pembelajaran muzik tradisional bukan sekadar melalui latihan teknikal, tetapi juga ruang epistemik untuk memahami nilai sejagat, identiti budaya, dan hubungan antara manusia. Justeru itu, memperoleh pengetahuan dalam pendidikan seni perlulah lebih bersifat terbuka, reflektif, dan transdisiplin, agar ia dapat menyokong pembentukan pelajar yang bukan sahaja berkemahiran, tetapi juga berbudaya dan berempati. Pendekatan ini bukan sahaja menyumbang kepada pendidikan yang inklusif dan bermakna, malah dapat memperkukuh kefahaman kita terhadap peranan seni dalam membina masyarakat berbilang budaya yang harmoni.

Kesimpulan

Pembelajaran keroncong telah dapat memberi kesan positif terhadap kesedaran dan penghargaan pelajar terhadap kepelbagaian budaya. Melalui bengkel yang menyebar luaskan pengajaran ilmu muzik tradisional keroncong kepada masyarakat, audiens terutamanya pelajar telah menimbulkan minat pelajar untuk mengenali budaya tempatan walaupun amat sukar untuk mengaplikasikan teknik nyanyian keroncong dengan mahir.

Proses adaptasi budaya yang bukan budaya asal individu pelajar telah dapat mencambahkan hasil dalam memahami cara pemikiran, pandangan hidup dan falsafah masyarakat tempatan. Budaya masyarakat tempatan amat mementingkan tatasusila, sopan santun dan toleransi dalam apa jua perkara yang dilakukan. Hal ini termasuklah dalam menyanyikan lagu-lagu tradisional khususnya keroncong. Pelajar bukan Melayu yang sebelum ini belum pernah mengetahui budaya nyanyian keroncong pada akhirnya dapat mengaplikasikan teknik nyanyian keroncong ke dalam nyanyian mereka meskipun agak kekok pada awal pembelajaran. Pembelajaran yang lebih bebas dan bertoleransi dengan budaya asal pelajar seperti bahasa dan komunikasi telah dapat membantu pelajar membiasakan diri dengan ilmu baharu keroncong.

Dapatan penyelidikan ini membuktikan bahawa muzik tradisional seperti keroncong berupaya menjadi medium efektif dalam memberi kefahaman tentang nilai universal melalui kepelbagaian budaya. Melalui interaksi simbolik yang berlaku antara pelajar berlainan latar belakang, mereka tidak hanya mempelajari teknik nyanyian, malah memahami makna budaya di sebalik setiap lenggok suara dan gerak tubuh yang diajarkan. Walaupun datang daripada bangsa dan bahasa yang berbeza, pelajar dapat menghargai nilai-nilai murni seperti toleransi, sopan santun dan rasa hormat terhadap warisan budaya. Asimilasi lagu kontemporari ke dalam genre keroncong turut memperlihatkan kebolehlenturan budaya yang menyatukan perbezaan. Interaksi ini membentuk kesedaran bahawa nilai seperti kesopanan, kesungguhan, dan penghargaan terhadap keunikan budaya adalah nilai sejagat yang dikongsi bersama. Justeru, pembelajaran muzik keroncong telah membuka ruang kepada pelajar untuk memahami serta menghayati nilai-nilai universal dalam suasana budaya yang berbilang.

Dapatan penyelidikan ini menunjukkan impak yang signifikan terhadap sosio-budaya dalam konteks pendidikan nasional di Malaysia. Pertama, ia memperkukuhkan peranan pendidikan seni dalam membina jati diri pelajar melalui penghayatan terhadap warisan budaya tempatan seperti muzik keroncong. Melalui pendekatan pembelajaran yang merentas budaya dan bahasa, pelajar didedahkan kepada nilai-nilai kebersamaan, toleransi dan hormat-menghormati dalam suasana pembelajaran yang inklusif. Ini selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembangunan insan seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan sosial.

Penyertaan pelajar pelbagai kaum dan warganegara dalam pembelajaran keroncong memperlihatkan kekuatan muzik sebagai alat perpaduan. Ia bukan sahaja mengurangkan jurang persefahaman antara etnik, malah memperkukuhkan semangat integrasi nasional. Pelajar bukan Melayu dan antarabangsa menunjukkan minat yang mendalam terhadap budaya Melayu, sekali gus menzahirkan budaya sebagai jambatan kepada keharmonian sosial.

Melalui dapatan ini dicadangkan agar pendidikan muzik tradisional terus diperluas dalam sistem pendidikan sebagai satu mekanisme untuk mengekalkan identiti budaya sambil menggalakkan interaksi silang budaya, yang penting dalam membina masyarakat Malaysia yang bersatu, harmoni dan berbilang bangsa.

Penghargaan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada penghargaan khusus diberikan bagi penulisan ini. Manuskrip ini dihasilkan secara sendiri tanpa sebarang pembiayaan luar, penajaan institusi, atau bantuan kolaboratif yang memerlukan pengiktirafan formal.

Rujukan

- Arif Budiman. (2020). Pengaruh Bahasa Portugis Dan Melayu Dalam Tiga Lagu Keroncong Kreol Tugu The Influence Of Portuguese And Malay Language In Three Creole Tugu Keroncong Songs. *Metahumaniora*, 10(2), 239-255.
- Arvaniti, A. (2023). Intonation and prosodic structure across languages. *Annual Review of Linguistics*, 9(1), 43–61. <https://doi.org/10.1146/annurev-linguistics-040120-091556>
- Ayu Nor Azilah Mohamad, Wayu Nor Asikin Mohamad & Zahanim Ahmad. (2024). Warisan Budaya Terhakis, Sanggupkah Kita?, *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9*, 1064-1071.
- Bennett, C. (2023). A Grounded Theory of Culturally Responsible Music Teaching. *Journal of Research in Music Education*, 71(2), 229-259. <https://doi.org/10.1177/00224294231165681> (Original work published 2023)
- Blumer, H. (1969). *Symbolic interactionism: Perspective and method*. Prentice-Hall.
- Brashier, R. (2018). In gamelan you have to become one “feeling”: Sensory embodiment and transfer of musical knowledge. *Ethnomusicology Review*, 18. <https://ethnomusicologyreview.ucla.edu/journal/volume/18/piece/703>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Braun, V., & Clarke, V. (2019). Reflecting on reflexive thematic analysis. *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 11(4), 589-597.
- Chen, S. (2016). Traditional music learning as intercultural dialogue: Perspectives and opportunities in formal education. *Journal of Cultural Education*, 28(4), 412-429.

- Clarke, V., Braun, V., & Hayfield, N. (2015). *Thematic analysis. Qualitative Psychology: A Practical Guide to Research Methods*, 3, 222-248.
- Feng, Y. J. & Zuraimy Noordin (2024). Conceptual Framework: Fostering Multicultural Music Education Innovation at Anyang Normal University in China. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13. 10.6007/IJARPED/v13-i1/20979.
- Gondal, N. (2025). *Relational meaning in social network analysis. In Handbook of Culture and Social Networks*. Edward Elgar.
- Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan. (1971). *Dasar Kebudayaan Kebangsaan*. Pejabat Perdana Menteri Malaysia. http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/04Dasar_Kebudayaan_Kebangsaan.pdf
- Eyo, L. Y., Rosdeen Suboh, & Marzellan Salleh (2021). Intercultural Communication: A Study on Music as an Element in the Wayang Kulit of Kelantan. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 20, 1-13.
- Good, A., Sims, L., Clarke, K., & Russo, F. A. (2021). Indigenous youth reconnect with cultural identity: The evaluation of a community and school-based traditional music program. *Journal of community psychology*, 49(2), 588-604. <https://doi.org/10.1002/jcop.22481>
- Grice, M., & Kügler, F. (2021). *Prosodic prominence: A cross-linguistic perspective. In C. Gussenhoven & A. Chen (Eds.), The Oxford handbook of language prosody* (pp. 301-316). Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780198832232.013.19>
- Guan, T., Liu, J., & Luo, N. (2025). Exploring the changes in cultural identity of primary school students in a Chinese orchestra. *International Journal of Music Education*, 43(1), 22-38. <https://doi.org/10.1177/02557614241228626>
- Ladd, D. R. (2008). *Intonational phonology* (2nd ed.). Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511808814>
- Lee, D. (2021). *The role of music education in cultural preservation, perpetuation and development in 21st century digital environments*. Conference paper. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/355758833_The_Role_of_Music_Education_in_Cultural_Preservation_Perpetuation_and_Development_in_21st_Century_Digital_Environments
- Lee, J. (2017). Traditional music learning and cultural identity formation among young musicians. *International Journal of Music Studies*, 42(1), 78-93.
- Li, M. G., Olsen, K. N., Davidson, J. W., & Thompson, W. F. (2023). Rich intercultural music engagement enhances cultural understanding: the impact of learning a musical instrument outside of one's lived experience. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 20(3), 1-16. <https://doi.org/10.3390/ijerph20031919>
- Li, X. M. (2024). Research on the Cross-Cultural Communication of Chinese Traditional Music in the Context of Music Symbols. *Highlights in Art and Design*, 8, 15-20. 10.54097/fqb1xy48.
- Maulana, S., Tjahjodiningrat, H., & Sukanta, K. (2022). The Effect of Keroncong Music Arrangements on The Interest of The Keroncong Music for Keroncong Tujuh Putri Listeners. *Cinematology: Journal Anthology of Film and Television Studies*, 2(2). <https://doi.org/10.17509/ftv-upi.v2i2.46446>
- Mead, G. H. (1934). *Mind, self, and society*. University of Chicago Press.
- Mirzaei, H., & Mohammadzadeh, M. (2024). Analysis of identity formation and social structures in animated movies. *Glory of Art (Jelve-y Honar)*.
- Monk, A. (2013). Symbolic Interactionism in Music Education. *Music Educators Journal*, 99(3), 76-81.
- Mutsaers, L. (2014). 11. 'Barat Ketemu Timur': Cross-Cultural Encounters and the Making of Early Keroncong History. In *Recollecting Resonances* (pp. 259-279). Brill. https://doi.org/10.1163/9789004258594_012
- Priya, K. R., & Bhatia, S. (2021). Coloniality and psychology: From silencing to re-centering marginalized voices in postcolonial times. *Review of General Psychology*, 25(4), 417-429. <https://doi.org/10.1177/10892680211046507>
- Rachman, A., Wadiyo, W., Utomo, U., Suharto, S., Ying, L. F., Hsu, L. F., Purwinarko, A., & Supiarza, H. (2025). *Application of Android-Based Learning Media in Keroncong Course*. 321-329. https://doi.org/10.2991/978-2-38476-317-7_33
- Robinson, O. C. (2014). Sampling in interview-based qualitative research: A theoretical and practical guide. *Qualitative Research in Psychology*, 11(1), 25-41. <https://doi.org/10.1080/14780887.2013.801543>
- Rowley, J., & Dunbar-Hall, P. (2015). Enhancing multicultural perspectives in the formation of preservice teachers through immersion in a culturally different context. *Multicultural Education Review*, 7(2), 143-161. <https://doi.org/10.1080/2005615X.2015.1072077>
- Rowley, J., & Dunbar-Hall, P. (2013). Cultural diversity in music learning: Developing identity as music teacher and learner. *Pacific-Asian Education Journal*, 25(2), 41-50.

- Satarasinghe, O. (2024). *Integrating South Asian music into Alberta's music curriculum: guiding music educators on how to improve and enact upon existing teaching practices* (Doctoral thesis, University of Calgary, Calgary, Canada). Retrieved from <https://prism.ucalgary.ca>. <https://hdl.handle.net/1880/118483>
- Schippers, H. (2015). *Applied ethnomusicology and intangible cultural heritage: Understanding 'ecosystems' of music as a tool for sustainability*. Oxford Handbook of Applied Ethnomusicology.
- Shahid, A., & Fatima, S.S. (2025). Women's Lived Experiences in Exogamous Marriages within Syed and Non-Syed Communities. *Apex Journal of Social Sciences*.
- Supiarza, H., & Sarbeni, I. (2021). Teaching and Learning Music in Digital Era: Creating Keroncong Music for Gen Z Students Through Interpreting Poetry. *Harmonia: Journal of Arts Research and Education*, 21(1), 123–139. <https://doi.org/10.15294/harmonia.v21i1.28585>
- Zandra, R. A., & Rustopo, R. (2020). Politik dan Situasi Sosial dalam Sejarah Keroncong di Indonesia. *Dewa Ruci: Jurnal Pengkajian Dan Penciptaan Seni*, 15(1), 6–11. <https://doi.org/10.33153/dewaruci.v15i1.2804>